



Kenyataan Media

CYBERJAYA

4 Ogos 2023

ADUAN LIPUTAN KOMUNIKASI LEMAH: MCMC PERGIAT USAHA BANTU PENDUDUK KAMPUNG BUKIT BADONG, BESTARI JAYA, SELANGOR

Susulan aduan berkaitan kualiti liputan komunikasi lemah yang diterima semasa program inisiatif Ziarah Kasih oleh YB Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil di kampung Bukit Badong, Bestari Jaya pada 30 Julai 2023 yang lalu, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menjalankan lawatan tapak pada 1 Ogos 2023 bersama dengan wakil penyedia perkhidmatan (telco) iaitu CelcomDigi, Maxis dan UMobile. Lawatan turut disertai En. Muhammad Nasir Bin Ahmad selaku Ketua Kampung Bukit Badong.

Tinjauan di lokasi aduan mendapati, jarak menara serta kedudukan kampung ini yang dikelilingi pokok kelapa sawit menyumbang kepada gangguan kualiti perkhidmatan.

MCMC telah mengarahkan pihak telco untuk membuat kerja pengoptimuman rangkaian perkhidmatan dengan kadar segera. Hasil daripada tindakan telco dan pengukuran yang telah dijalankan di beberapa lokasi mendapati, kualiti perkhidmatan secara keseluruhannya di kawasan ini telah bertambah baik iaitu daripada kelajuan di bawah 2.5Mbps kepada 40Mbps secara purata. Namun, terdapat beberapa kawasan yang memerlukan penambahbaikan.

Oleh yang demikian, pihak MCMC telah mengarahkan pihak penyedia perkhidmatan untuk menyediakan perancangan jangka panjang dalam masa terdekat bagi menambah baik kualiti perkhidmatan kepada penduduk di Kampung Bukit Badong ini. Pihak MCMC akan terus memantau pelaksanaan perancangan jangka panjang tersebut agar isu liputan komunikasi ini dapat diselesaikan.



Pegawai MCMC bersama penyedia perkhidmatan CelcomDigi, Maxis dan U Mobile menjalankan pengukuran di lokasi aduan disertai oleh Ketua Kampung Bukit Badong, En. Muhammad Nasir Ahmad.

Sebagai alternatif kepada pilihan teknologi perkhidmatan komunikasi, pihak penyedia perkhidmatan juga telah menyediakan perkhidmatan talian tetap (*fiber*) di kawasan ini sejak awal tahun 2022 untuk dilangani.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

